



YPDR. 10/4/5/1 Jld.2 (74)

6hb. Oktober 2020

KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan **Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan**, saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengemukakan suatu pemberitahuan bertarikh 6 Oktober 2020 kepada Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia bahawa **Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Ahli Parlimen Batu Sapi, Sabah** telah meninggal dunia pada hari **Jumaat, 2 Oktober 2020**.

Oleh yang demikian, selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan**, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia hendaklah **mengisi kekosongan luar jangka Kerusi Parlimen Kawasan P.185 Batu Sapi, Sabah** dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia bahawa ada kekosongan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Azhar".
DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat